

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1995/96

Oktober 1995

PDP 416 - Kaedah Mengajar Geografi I

Masa: [3 jam]

Arahan: Jawab EMPAT (4) soalan dari yang berikut. Setiap soalan membawa markah yang sama.

1. *'Geografi adalah kajian tentang organisasi ruangan sebagai hasil pelbagai saling kaitan dan interaksi antara manusia dengan manusia serta manusia dengan alam sekitar'* (Sukatan Pelajaran Geografi KBSM, 1989).
 - a) Berdasarkan kenyataan di atas nyatakan matlamat dan senaraikan objektif bagi Pendidikan Geografi Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah.
 - b) Huraikan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai bagaimana matlamat dan objektif ini dapat memberi sumbangsan kearah pencapaian Falsafah Pendidikan Negara.

2. Berikut adalah satu petikan dari Huraian Sukatan Pelajaran Geografi Tingkatan II.

Tajuk	Huraian Kandungan	Konsep	Nilai
<i>Perkembangan perusahaan pembalakan</i>	<p><i>Memahami bahawa hutan Malaysia dan hutan Asia Tenggara kaya dengan beberapa jenis kayu-kayan yang berguna seperti cengal, meranti, jelutong, jati dan pain.</i></p> <p><i>Mengkaji faktor-faktor yang menggalakkan pembalakan di Asia Tenggara seperti:</i></p> <p><i>(i) Pasaran,</i></p> <p><i>(ii) Tenaga buruh.</i></p> <p><i>Mengenal pasti masalah kepupusan hutan dan hakisan tanah-tanah serta langkah-langkah mengatasinya.</i></p>	<p><i>kayu keras</i></p> <p><i>kayu lembut</i></p>	<p><i>Bersyukur Menghargai</i></p>

- a) Berdasarkan tajuk dan kandungan pelajaran Geografi di atas, reka satu rancangan pelajaran selama DUA waktu (80 minit) untuk pelajar Tingkatan II.
- b) Ulaskan dengan jelas mengapa anda memilih objektif dan kaedah pengajaran yang dicadangkan dalam (a) bagi rancangan pelajaran ini.

3. Apakah fahaman anda mengenai prinsip pembelajaran integratif. Beri satu contoh aktiviti pembelajaran geografi yang menggunakan kaedah integratif dan terangkan langkah-langkah pengendaliannya.
4. Berikut adalah beberapa kaedah mengajar.
 - a) *Kaedah kegiatan kumpulan.*
 - b) *Kaedah simulasi dan main peranan.*
 - c) *Kaedah perbincangan.*

Berdasarkan tiga kaedah pengajaran di atas pilih DUA (2) kaedah dan bagi setiap kaedah jawab soalan-soalan berikut:

- i) Huraikan keistimewaan dan batasan tentang kaedah tersebut.
- ii) Tunjukkan bagaimana kaedah itu digunakan dalam pengajaran satu tajuk geografi.
5. Kegiatan kerja luar merupakan satu kaedah yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran Kajian Geografi Tempatan. Apakah tujuan menggunakan kaedah ini? Terangkan langkah-langkah dalam perancangan dan pelaksanaan satu kajian luar geografi untuk pelajar Tingkatan I.
6. Beberapa kaedah pengajaran geografi boleh menggalakkan perkembangan tahap berfikir yang tinggi dikalangan pelajar.
 - i) Pilih satu kaedah pengajaran dan pembelajaran geografi yang sesuai dan jelaskan bagaimana kegunaan kaedah ini dapat memperkembangkan daya pemikiran yang tinggi dikalangan pelajar.
 - ii) Jelaskan aspek-aspek kemahiran berfikir yang diperkembangkan.